



Faculty of Applied and Creative Arts

**PENGAPLIKASIAN TIPOGRAFI DALAM PENAMBAHBAIKAN IDENTITI
VISUAL KOMPLEKS JETI PENUMPANG
TANJUNG PENGELIH**

Nurnezana Binti Mohd Anuar

Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian
(Teknologi Seni Reka)

201

**PENGAPLIKASIAN TIPOGRAFI DALAM PENAMBAHBAIKAN IDENTITI VISUAL
KOMPLEKS JETI PENUMPANG TANJUNG PENGELIH**

NURNEZANA BINTI MOHD ANUAR

Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk
Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan Dengan Keahlian
(Teknologi Seni Reka)

Fakulti Seni Gunaan Dan Kreatif
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

2015

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Grade: _____

Please tick (✓)

Final Year Project Report

Masters

PhD

<input checked="" type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>

DECLARATION OF ORIGINAL WORK

This declaration is made on the2.....day of.....july.....2012.

Student's Declaration:

I NURNEZANA BINTI MOHD ANUAR, 39596, FACULTY OF APPLIED AND CREATIVE ART here by declare that the work entitled APPLICATION OF TYPOGRAPHY TO IMPROVE VISUAL IDENTITY OF TANJUNG PENGELIH FERRY TERMINAL is my original work. I have not copied from any other students' work or from any other sources except where due reference or acknowledgement is made explicitly in the text, nor has any part been written for me by another person.

2 JULY 2015

Nurnezana Binti Mohd Anuar (39596)

Supervisor's Declaration:

I CIK SALMIAH BINTI ABDUL HAMID here by certifies that the work entitled APPLICATION OF TYPOGRAPHY TO IMPROVE VISUAL IDENTITY OF TANJUNG PENGELIH FERRY TERMINAL was prepared by the above named student, and was submitted to the "FACULTY" as a *partial/full fulfillment for the conferment of BACHELOR OF APPLIED ART WITH HONOURS (DESIGN TECHNOLOGY), and the aforementioned work, to the best of my knowledge, is the said student's work.

Received for examination by: _____ Date : 2 JULY 2015
(Cik Salmiah Binti Abdul Hamid)

I declare that Project/Thesis is classified as (Please tick (√)):

CONFIDENTIAL (Contains confidential information under the Official Secret Act 1972)*

RESTRICTED (Contains restricted information as specified by the organisation where research was done)*

OPEN ACCESS

Validation of Project/Thesis

I therefore duly affirm with free consent and willingly declare that this said Project/Thesis shall be placed officially in the Centre for Academic Information Services with the abiding interest and rights as follows:

- This Project/Thesis is the sole legal property of Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies for the purpose of academic and research only and not for other purpose.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to digitalise the content for the Local Content Database.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies of the Project/Thesis for academic exchange between Higher Learning Institute.
- No dispute or any claim shall arise from the student itself neither third party on this Project/Thesis once it becomes the sole property of UNIMAS.
- This Project/Thesis or any material, data and information related to it shall not be distributed, published or disclosed to any party by the student except with UNIMAS permission.

Student signature : _____
(2 July 2015)

Supervisor signature: _____
(2 July 2015)

Current Address :

No. 39,
Jalan Teluk Empang 8,
81620 Pengerang,
Johor.

Notes: * If the Project/Thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach together as annexure a letter from the organisation with the period and reasons of confidentiality and restriction.

[The instrument is duly prepared by The Centre for Academic Information Services]

Tajuk “ **Pengaplikasian Tipografi Dalam Penambahbaikan Identiti Visual Kompleks Jeti Penumpang Tanjung Pengelih**’ telah disediakan oleh **Nurnezana binti Mohd Anuar** dan telah diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan Dengan Kepujian (**Teknologi Seni Reka**).

Diterima untuk diperiksa oleh :

Penyelia
(Cik Salmiah binti Abdul Hamid)

Tarikh

PENAKUAN

Saya mengaku bahawa tiada bahagian daripada penyelidikan ini telah digunakan sebagai bahan sokongan untuk sesuatu ijazah atau kelulusan sama ada kepada universiti ini atau institusi pengajian tinggi lain.

(Nurnezana binti Mohd Anuar)

Matrik : 39596

PENGHARGAAN

Assalamualaikum dan Salam sejahtera

Bagi menyempurnakan dan menghasilkan sesuatu kerja yang berkualiti, kita memerlukan banyak pertolongan, sokongan, bimbingan dan kerjasama daripada pelbagai pihak. Oleh yang demikian, saya ingin mengambil kesempatan untuk memberikan ucapan ribuan terima kasih kepada semua yang terlibat bagi menyempurnakan kajian ini.

Hasil bimbingan dan tunjuk ajar yang diberikan oleh Cik Salmiah binti Abdul Hamid, pensyarah Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif selaku penyelia, beliau telah banyak memberi pandangan yang bernas untuk mengatasi cabaran dalam kajian dan nasihat yang diberikan juga sangat membantu sepanjang tempoh kajian dijalankan. Ribuan terima kasih juga diucapkan kepada semua pensyarah Teknologi Seni Reka, Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif kerana telah banyak membantu memberikan pandangan yang membina untuk menyempurnakan kajian ini.

Selain itu, ribuan terima kasih juga diucapkan kepada pihak Kompleks Jeti Penumpang Tanjung Pengelih kerana telah memberikan kebenaran untuk menjalankan kajian di kawasan tersebut. Kerjasama, informasi dan pandangan yang diberikan oleh pihak tersebut juga banyak membantu dalam menjayakan kajian yang dijalankan.

Tidak lupa juga setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada ibu bapa dan ahli keluarga kerana banyak memberikan sokongan moral dan kewangan sepanjang tempoh kajian ini. Kepada rakan seperjuangan, terima kasih diucapkan atas bantuan dan sokongan yang telah diberikan.

Dengan sokongan, bantuan, kerjasama dan pandangan daripada pelbagai pihak saya berjaya menyempurnakan dan menyiapkan kajian ini. Segala budi baik anda semua akan dikenang dan dihargai.

Sekian, terima kasih.

KANDUNGAN

	Muka surat
Borang Pengesahan Status Tesis	ii-iii
Pengisytiharan	vi
Pengakuan	v
Penghargaan	vi-vii
Kandungan	viii-xi
Senarai Rajah	xii-xiv
Senarai Lampiran	xv
Abstrak	xvi
<i>Abstract</i>	xvii

BAB 1 PENGENALAN KAJIAN

1.0 Latar Belakang Kajian	1-3
1.1 Identiti Visual	3-6
1.2 Persoalan Kajian	6
1.3 Pernyataan Masalah	6-7
1.4 Objektif Kajian	8
1.5 Skop Kajian	8-9
1.6 Kumpulan Sasaran Kajian	9
1.7 Kepentingan Kajian	9-10
1.8 Kesimpulan	10-11

BAB 2 KAJIAN LEPAS

2.0 Pengenalan	12
2.1 Identiti Korporat	12-14
2.1.1 Logo	14
2.1.1.1 <i>Logogram</i>	15
2.1.1.2 <i>Logotype</i>	15
2.1.2 Warna	15-16
2.2 Identiti Visual	16
2.3 Tipografi	17
2.3.1 Sans serif	17-18
2.4 Terminal Feri	18
2.5 <i>Wayfinding</i>	19
2.6 Kesimpulan	19-20

BAB 3 : METODOLGI PENYELIDIKAN

3.0 Pengenalan	21
3.1 Reka Bentuk Penyelidikan	22
3.1.1 Kaedah Kualitatif	22
3.1.1.1 Kaedah Pemerhatian atau Kajian Lapangan	22
3.1.1.2 Kaedah Temubual	23
3.1.1.3 Kaedah Fotografi	23

3.1.1.4 Laman Sesawang	24
3.1.1.5 Sumber dari Perpustakaan	24
3.1.2 Kaedah kuantitatif	24
3.1.2.1 Sampel Kajian	25
3.1.2.1.1 Ketetapan Borang Kaji Selidik	25-26
3.1.2.2 Analisis Data	26
3.2 Kesimpulan	26-27

BAB 4 : HASIL DAPATAN DAN ANALISA DATA

4.0 Pengenalan	28
4.1 Hasil Dapatan dan Analisa Data	28
4.1.1 Bahagian A (Demografik)	29-30
4.1.2 Bahagian B (Identiti Visual Kompleks Jeti Penumpang Tanjung Pengelih)	31-33
4.1.3 Bahagian C (Cadangan)	34-40
4.2 Kesimpulan	40

BAB 5 : CADANGAN

5.0 Pengenalan	41
5.1 Sasaran Pengguna	42
5.2 Strategi Komersial	42

5.3 Reka Bentuk <i>Wayfinding</i>	43
5.3.1 Tipografi (Muka Taip)	43-44
5.3.2 Warna	44-45
5.3.3 Cadangan <i>wayfinding</i>	46-48
5.4 Reka Bentuk Logo	48-49
5.4.1 Warna	49-50
5.4.2 Tipografi	50-51
5.4.3 Cadangan Logo	51-52
5.5 Kesimpulan	53

BAB 6 : RUMUSAN

6.0 Rumusan	54
-------------	----

RUJUKAN	55-57
----------------	-------

LAMPIRAN	58-67
-----------------	-------

SENARAI GAMBAR DAN RAJAH

	Muka surat
Rajah 4.1.3.3 (a) : Tempat letak basikal A	36
Rajah 4.1.3.3 (b) : Tempat letak basikal B	36
Rajah 4.1.3.4 (a) : Platform A	37
Rajah 4.1.3.4 (b) : Platform B	37
Rajah 4.1.3.5 (a) : Kawasan menunggu A	39
Rajah 4.1.3.5 (b) : Kawasan menunggu B	39
Rajah 5.3.1 (a) : Jenis muka taip yang digunakan dalam rekaan <i>wayfinding</i> (<i>Franklin Gothic Book</i>)	44
Rajah 5.3.1 (b) : Jenis muka taip yang digunakan dalam rekaan <i>wayfinding</i> (<i>Franklin Gothic Demi</i>)	44
Rajah 5.3.1 (c) : Jenis muka taip yang digunakan dalam rekaan <i>wayfinding</i> (<i>Franklin Gothic Heavy</i>)	44
Rajah 5.3.2 : Jenis warna berdasarkan kod yang digunakan dalam reka bentuk <i>Wayfinding</i>	45
Rajah 5.3.3 (a) : Pandangan sedia ada kawasan menunggu	46
Rajah 5.3.3 (b) : Pandangan rekaan baru kawasan menunggu	46
Rajah 5.3.3 (c) : Pandangan sedia ada kaunter tiket	46
Rajah 5.3.3 (d) : Padangan rekaan baru kaunter tiket	46
Rajah 5.3.3(e) : Pandangan sedia ada surau dan tandas	47

Rajah 5.3.3(f) : Pandangan rekaan baru surau dan tandas	47
Rajah 5.3.3(g) : Pandangan sedia ada kawasan balai ketibaan	47
Rajah 5.3.3(h) : Pandangan rekaan baru kawasan balai ketibaan	47
Rajah 5.3.3(i) : Pandangan sedia ada arah ke kawasan ketibaan	47
Rajah 5.3.3(j) : Pandangan rekaan baru arah ke kawasan ketibaan	47
Rajah 5.3.3(k) : Pandangan sedia ada kawasan luar bangunan terminal	48
Rajah 5.3.3(l) : Pandangan rekaan baru kawasan luar bangunan terminal	48
Rajah 5.3.3(m) : Pandangan sedia ada kawasan letak basikal	48
Rajah 5.3.3(n) : Pandangan rekaan baru kawasan letak basikal	48
Rajah 5.4.1 : Jenis warna yang digunakan	50
Rajah 5.4.2(a) : Jenis muka taip yang digunakan dalam logo <i>(Franklin Gothic Demi)</i>	51
Rajah 5.4.2(b) : Jenis muka taip yang digunakan dalam logo <i>(Franklin Gothic Demi Cond)</i>	51
Rajah 5.4.3(a) : Cadangan logo A	51
Rajah 5.4.3(b) : Cadangan logo B	51
Rajah 5.4.3(c) : Cadangan logo C	52
Rajah 5.4.3(d) : Cadangan logo D	52
Rajah 5.4.3(e) : Cadangan logo E	52
Rajah 5.4.3(f) : Logo yang telah dipilih	52
Rajah 5.4.3(g) : Maksud logo yang telah dipilih	52
Rajah lampiran C(a) : Sesi temuramah	67
Rajah lampiran C(b) : Sesi temuramah	67

Rajah lampiran D(a) : Gambar final 67

Rajah lampiran D (b) : Gambar pameran final 67

SENARAI LAMPIRAN

	Muka surat
Lampiran A : Soalan temuramah pengurus di Kompleks Jeti Penumpang Tanjung Pengelih	58-59
Lampiran B : Sampel borang kaji selidik	60-66
Lampiran C : Sesi temuramah	67
Lampiran D : Produk akhir	67

ABSTRAK

Projek penyelidikan ini dijalankan untuk menambahbaik identiti visual Kompleks Jeti Penumpang Tanjung Pengelih. Melalui projek ini, terdapat beberapa masalah yang wujud dari segi identiti visual khususnya berkaitan dengan *wayfinding*. Oleh yang demikian, berdasarkan kajian dan pemerhatian terhadap trend, pengkaji telah memilih tipografi untuk diaplikasikan dalam menambahbaik identiti visual terminal tersebut.

ABSTRACT

This research aim's to improve the visual identity of Kompleks Jeti Penumpang Tanjung Pengelih. According on this project, there are some problem that exist in term of visual identity especially in wayfinding system. Therefore, based on my research and observation about the trend, researchers have chosen typography to be applied to improve the visual identity of this terminal.

BAB 1

Pengenalan Kajian

1.0 Latar Belakang Kajian

Feri merupakan sejenis pengangkutan laut yang digunakan oleh masyarakat untuk menyeberangi perairan. Feri mempunyai pelbagai saiz iaitu kecil, sederhana dan besar. Feri bersaiz kecil digunakan untuk pengangkutan dalam jarak yang dekat dan khusus untuk membawa penumpang. Feri bersaiz kecil boleh memuatkan 10 hingga 12 penumpang bergantung kepada keluasan feri tersebut. Feri bersaiz sederhana juga mempunyai fungsi yang sama dengan feri yang bersaiz kecil, tetapi feri bersaiz sederhana boleh membawa penumpang melebihi 20 orang. Feri bersaiz besar digunakan untuk mengangkut barangan seperti kereta, motosikal dan sebagainya. Selain itu, feri juga berfungsi sebagai membawa penumpang dari sesuatu destinasi ke destinasi yang lain. Fungsi feri adalah sama iaitu untuk mengangkut barang dan penumpang.

Terminal feri juga bermaksud tempat untuk feri berlabuh atau perhentian bagi sesuatu destinasi. Terminal feri juga merupakan tempat feri berkumpul. Selain itu, terminal juga berfungsi sebagai tempat untuk menyimpan feri dan kadang kala dijadikan sebagai tempat untuk membaiki feri jika mengalami kerosakan. Terminal feri juga merupakan tempat untuk para penumpang berkumpul atau menunggu sebelum feri tiba dan membawa mereka ke destinasi yang ingin dituju. Pelbagai kemudahan awam juga disediakan untuk memberi keselesaan kepada para

penumpang dan pengunjung. Lokasi terminal feri biasanya adalah di kawasan terlindung daripada tiupan angin kuat dan kawasan laluan untuk pengangkutan laut.

Kawasan kajian yang dipilih oleh pengkaji adalah di Kompleks Jeti Penumpang dan Marina Awam Tanjung Pengelih. Terminal Feri ini mula dibina pada Januari 2006 dan siap sepenuhnya pada awal tahun 2008. Terminal ini dirasmikan oleh Datuk Seri Ong Tee Keat pada 16 Mei 2009. Terminal ini terletak di selatan Johor, iaitu di Daerah Kota Tinggi, Pengerang. Terminal ini menghubungkan Terminal Feri Changi, Singapura dan Terminal Feri Batam, Indonesia. Terminal feri ini dikawal sepenuhnya oleh Jabatan Laut Wilayah Selatan dan menjalankan kerjasama dengan pihak Imigresen, Kastam dan Jabatan Kesihatan di bawah satu bumbung.

Terminal ini juga mempunyai Marina Awam yang menyediakan kemudahan infrastruktur seperti tempat untuk menyimpan kira-kira 20 kapal layar pelbagai saiz dan pemecah ombak bagi kapal-kapal layar serta bot rekreasi. Dengan adanya kemudahan seperti ini akan menggalakkan lagi aktiviti pelayaran dan pelancongan marin serta menarik para peminat kapal layar untuk datang ke kawasan itu.

Jenis pengangkutan yang digunakan adalah *bumboat* iaitu sejenis bot yang diperbuat daripada kayu. *Bumboat* tersebut digunakan untuk ke Terminal Feri Changi dan Terminal Feri Tanah Merah, Singapura. Masa yang diambil untuk ke Singapura adalah satu jam. Waktu operasi di Terminal Feri Tanjung Pengelih adalah dari jam tujuh pagi sehingga jam empat petang. Harga tiket yang dikenakan adalah 20 dollar Singapura dan bayaran tambahan sebanyak 3 dollar dikenakan jika penumpang membawa basikal ke dalam *bumboat* tersebut. *Bumboat* digunakan

untuk ke Singapura kerana jumlah penumpangnya adalah sedikit. Manakala untuk ke Batam, Indonesia, pengangkutan jenis feri digunakan untuk ke destinasi tersebut. Hal ini kerana, jumlah penumpang adalah ramai berbanding penumpang Singapura. Tiket berharga RM 70 dikenakan kepada pengguna dari Indonesia. Masa yang diambil untuk ke destinasi tersebut adalah dua jam. (Portai Rasmi Majlis Daerah Kota Tinggi, 2012)

Walaupun terminal tersebut baru beroperasi dan mempunyai bangunan yang moden, terminal tersebut masih kurang mendapat sambutan daripada kalangan pelancong. Hal ini disebabkan oleh penggunaan identiti visual yang masih lemah dan perkhidmatan yang disediakan masih kurang. Terminal ini juga tidak mempunyai identiti yang khusus kerana dikawal sepenuhnya oleh pihak Jabatan Laut.

1.1 Identiti Visual

Identiti visual merupakan lambang atau identiti sesebuah organisasi atau syarikat. Manakala korporat pula adalah perkara yang berkaitan dengan syarikat atau perbadanan tertentu. Korporat juga merujuk kepada syarikat atau firma yang besar seperti Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur. Identiti bagi syarikat tersebut harus didaftarkan supaya tidak menimbulkan kekeliruan pelbagai pihak. Oleh yang demikian, identiti visual adalah berbeza dengan identiti visual yang lain. Identiti dikenali sebagai jenama sesuatu produk atau perkhidmatan yang ditawarkan. Identiti visual merangkumi gambaran atau persekitaran, simbol, logo, rekaan, penggunaan warna yang sesuai dan lain-lain. Semua item tersebut haruslah berkait rapat dengan jenis perkhidmatan atau produk yang ditawarkan. (Balmer & Greyser, 2003)

Logo merupakan suatu bentuk komunikasi organisasi untuk mencerminkan jenis perkhidmatan atau produk yang ingin dikomersialkan kepada masyarakat. Logo mempunyai beberapa jenis iaitu *logotype*, *logogram* dan gabungan antara *logogram* dan *logotype*. *Logotype* merupakan tulisan atau muka taip yang direka dengan menggunakan teknik *lettering* atau menggunakan jenis muka taip tertentu. Muka taip tersebut diolah menjadi logo yang menarik. Manakala *logogram* adalah penggunaan elemen atau simbol yang direka untuk mewakili sesuatu kata atau makna dan dijadikan sebuah logo yang menarik. *Logogram* juga diklasifikasikan sebagai *icon* logo dan *illustrative* logo. Penggunaan logo yang sesuai bergantung kepada kehendak dan kesesuaian organisasi. Logo adalah dalam bentuk yang ringkas, mudah difahami, mudah untuk diingati dan mudah untuk dikenalpasti dari jarak yang jauh. Setiap item yang digunakan haruslah mempunyai maksud dan tujuan produk serta perkhidmatan yang ditawarkan.

Penggunaan warna pada logo tersebut juga memainkan peranan penting supaya pengguna dapat mengenal pasti organisasi tersebut dengan mudah. Kuantiti warna yang digunakan perlulah minimum. Warna sangat penting dalam reka bentuk grafik. Setiap warna yang digunakan juga mempunyai maksud tersendiri yang boleh membezakan dan menggambarkan jenis produk atau perkhidmatan yang ditawarkan. Warna yang digunakan juga perlu seiring dengan visi dan misi organisasi tersebut.

Melalui kajian ini juga, pengkaji turut mengkaji tentang penggunaan tipografi dalam persekitaran khususnya di kawasan tumpuan umum. Tipografi juga dikenali sebagai '*visual language*' yang bermaksud bahasa yang dapat dilihat. Tipografi merupakan kaedah untuk menterjemahkan sesuatu maksud yang ingin diucapkan atau disampaikan kepada pembaca. Peranan tipografi adalah untuk berkomunikasi dari segi idea atau informasi kepada umum. Oleh

yang demikian, tanpa disedari manusia selalu berhubung dengan tipografi pada setiap hari. Tipografi juga boleh dijadikan sebagai identiti bagi sesebuah organisasi. Penggunaan tipografi ini juga dapat menjimatkan masa pengguna untuk mengetahui ke arah mana mereka ingin tuju dan di mana lokasi mereka berada. Tipografi mempunyai dua jenis iaitu sans serif dan serif. Sans serif adalah jenis huruf yang tidak memiliki garisan-garisan kecil, bersifat *solid* dan mudah untuk dibaca. Huruf jenis ini lebih tegas dan lebih moden. Manakala serif pula adalah jenis huruf yang mempunyai garisan-garisan kecil, sukar untuk dibaca dan lebih berbentuk klasik. Oleh yang demikian, penggunaan tipografi jenis sans serif sangat sesuai digunakan sebagai tipografi dalam persekitaran kerana mudah dibaca walaupun dari jarak yang jauh dan memudahkan pengguna untuk mengetahui informasi yang ingin disampaikan dengan lebih mudah. Penggunaan tipografi dalam persekitaran ini dapat memberikan kelainan dan telah menjadi budaya di negara maju lain.

Penggunaan tipografi dalam persekitaran juga berkait rapat dengan *wayfinding*. *Wayfinding* merupakan salah satu cara untuk mengetahui sesuatu arah yang ingin dituju. Dengan menggunakan *wayfinding* juga pengguna mudah untuk mengetahui di mana mereka berada dan ke mana lokasi yang ingin dituju. Antara prinsip-prinsip *wayfinding* adalah seni bina petunjuk arah, papan tanda, garisan atau simbol yang menunjukkan sesuatu arah. Penghasilan *wayfinding* yang berkesan adalah jelas dan mudah untuk difahami. Selain itu, penggunaan warna dan simbol bagi *wayfinding* juga penting dan boleh menjadi identiti bagi sesebuah organisasi. Sebagai contoh, penggunaan simbol seperti sauh kapal dan lain-lain dapat mentafsikan bahawa kawasan tersebut adalah kawasan pulau atau berhampiran dengan laut dan sungai.

Penghasilan identiti yang berkesan adalah dengan menitikberatkan semua elemen grafik dalam rekaan identiti tersebut. Kekuatan elemen yang digunakan bergantung kepada pemahaman

pengguna terhadap perkhidmatan atau produk yang disediakan. Penghasilan identiti visual adalah berdasarkan semua aspek yang ingin disampaikan oleh organisasi tersebut termasuklah visi dan misi. Identiti visual yang dihasilkan perlu mempunyai konsep dan tema yang bersesuaian dengan perkhidmatan atau produk yang disediakan. Konsep dan tema tersebut haruslah seiring dengan perkembangan semasa supaya dapat memenuhi kumpulan sasaran yang telah ditetapkan. Oleh yang demikian, dalam usaha untuk membangunkan identiti visual, organisasi perlu berusaha membentuk identiti yang bersesuaian dengan persekitaran dan objektifnya. Identiti tersebut perlulah kuat dan kukuh supaya dapat meningkatkan keyakinan pengguna terhadap kualiti yang disediakan oleh organisasi.

1.2 Persoalan Kajian

Persoalan yang wujud dan mendorong pengkaji membuat kajian terhadap identiti visual Kompleks Jeti Penumpang Tanjung Pengelih adalah:

1. Apakah jenis rekaan identiti visual yang digunakan?
2. Apakah konsep, tema dan elemen yang digunakan untuk dijadikan identiti visual Kompleks Jeti Penumpang Tanjung Pengelih?

1.3 Pernyataan Masalah

Berdasarkan kajian yang dijalankan, terdapat pelbagai kelemahan dikenal pasti terhadap identiti visual dan identiti korporat terminal feri tersebut. Antara kelemahan yang terdapat pada